



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

#### **MYFOOD@WILAYAH BERI BANTUAN BAKUL MAKANAN KEPADA 32,000 MISKIN BANDAR PPR DAN PA DBKL**

Prihatin dengan situasi semasa penularan wabak COVID-19, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui inisiatif MYFood@Wilayah memberi bantuan keperluan harian kepada golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Projek rintis MYFood@Wilayah yang dilancarkan hari ini selaras dengan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) di bawah Cakna Kemiskinan dalam agenda 'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin' yang diperkenalkan Kementerian bagi menyantuni keluarga B40 dan miskin bandar di WPKL untuk meringankan beban kos sara hidup golongan tersebut terutama sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) disebabkan pandemik COVID-19 selain menzahirkan keikhlasan daripada hati nurani warga KWP dan agensi kepada rakyat.

Melalui inisiatif ini, **seramai 32,000 orang Ketua Isi Rumah (KIR)** miskin bandar di **67 lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA)** di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima bantuan bekalan makanan (bakul makanan) yang terdiri daripada barang keperluan harian asas bernilai RM50.00 seunit secara percuma dengan membabitkan **peruntukan sebanyak RM1.6 juta**. Antara lokasi terbabit ialah di PA Seri Kota, PA Seri Melaka, PA Desa Petaling, PPR Seri Malaysia, PPR Kerinchi Lembah Pantai, PPR Kampung Muhibah, PPR Jelatek, PA Seksyen 10 Wangsa Maju, PPR Kampung Limau dan PPR Beringin. Seramai 706 penerima di PPR Kerinchi menerima bantuan MYFood@Wilayah, hari ini.

Pengagihan bakul makanan kepada kumpulan sasar ini dibuat secara berperingkat dengan kerjasama empat (4) Badan Bukan Kerajaan (NGO's) iaitu Badan Inisiatif Jalinan Nasional, Kelab Putera Puteri Inspirasi Bandar Sri Damansara, Yayasan Himmah Malaysia dan Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, DBKL, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dan Persatuan Penduduk di setiap zon. Penglibatan pelbagai pihak dalam proses pengagihan bakul makanan ini dapat melancarkan proses pengagihan disamping mengurangkan keperluan bagi pergerakan orang ramai untuk mendapatkan bakul makanan mereka terutama sekali dalam situasi PKPB.

Badan-badan Bukan Kerajaan lain yang berminat untuk melaksanakan perkhidmatan secara sukarela ini adalah dialu-alukan oleh pihak kerajaan kerana dapat memberikan sumbangan secara percuma kepada golongan yang terkesan bagi kesejahteraan warga Wilayah

Persekutuan. Kini, operasi MYFood@Wilayah telah diserahkan kepada kira-kira 60% lokasi sejak November dan akan diteruskan ke PPR dan PA DBKL mengikut jadual yang ditetapkan. Pemberian bakul makanan ini juga diharap dapat memberikan kelegaan kepada ketua keluarga yang hilang punca pendapatan bagi membantu mereka menghadapi kesukaran dalam menghadapi wabak COVID-19.

Kementerian serta diterajui agensi di bawahnya sentiasa mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan sebagai kelangsungan membantu golongan sasaran yang memerlukan bantuan di Wilayah Persekutuan terutamanya di bawah program Kemiskinan Bandar iaitu lima inisiatif tambahan Wilayah Cakna seperti MYJob@Wilayah, MYMedic@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYGrocer@Wilayah dan MYFood@Wilayah. Menerusi IWC 3.0, Kementerian melalui DBKL dan Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menyediakan bantuan *Food Pack* berbentuk baucar makanan kepada asnaf dan golongan miskin (B40) bernilai RM100 untuk setiap isi rumah. Bantuan IWC sebegini diteruskan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang memberi bantuan barang keperluan asas melalui Program JAWI Food Bank dan Program Dapur It'am.

Kementerian yakin, menerusi bantuan-bantuan yang diberikan melalui IWC, dapat melegakan warga kota dan mengurangkan beban sara hidup yang perlu ditanggung. Bantuan-bantuan kepada sebegini akan diteruskan pada masa akan datang memandangkan program ini merupakan pelan perancangan jangka masa panjang dan komprehensif KWP bagi membantu mengurangkan kos sara hidup yang ditanggung golongan miskin bandar. Program ini juga akan diperluaskan ke lebih banyak kawasan perumahan kos rendah swasta dan kampung tradisi pada masa hadapan.

Demi memastikan bantuan sebegini diteruskan pada masa-masa akan datang, badan-badan korporat diseru untuk terus menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan bantuan sepanjang pelaksanaan PKPB melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) masing-masing. Bantuan-bantuan ini tidak terikat hanya kepada produk penjagaan kesihatan termasuk topeng muka, program sanitasi awam, malah bantuan berupa barangan keperluan asas juga diperlukan untuk memastikan kelangsungan hidup golongan miskin dalam meneruskan kehidupan mereka.

Kementerian juga dalam usaha merangka pelbagai strategi dan kaedah baharu sebagai usaha untuk membasmi kemiskinan rakyat seiring dengan faktor semasa. Langkah itu meliputi usaha merangka dasar dan program bersesuaian menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) serta belanjawan tahunan. Kerajaan akan mengambil tanggungjawab lebih besar untuk mengadakan program pembasmian kemiskinan yang melibatkan jumlah keluarga yang lebih ramai. Justeru, Kementerian amat mengalu-alukan kerjasama dan penglibatan agensi korporat bagi melaksanakan program strategik seperti ini yang dapat membantu Kementerian dalam membantu golongan sasaran. Usaha ini dapat memudahkan syarikat-syarikat mencari golongan sasaran untuk disalurkan bantuan.

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**5 Disember 2020**